



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN APRIL 2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan April 2023. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas hampir 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI di mana **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, kekal pada 49.8 bagi bulan April 2023 dan tiada perubahan daripada bulan Mac 2023. Ini menunjukkan bahawa secara amnya, seperti bulan sebelumnya, perniagaan sektor swasta terus berpandangan pesimistik terhadap keadaan perniagaan pada bulan April 2023. Kebanyakan perniagaan menjangka permintaan bagi produk dan perkhidmatan mereka akan menurun dengan sebahagian penduduk akan melancong ke luar negeri semasa musim cuti persekolahan pada bulan April. Sehubungan dengan itu, terdapat juga perniagaan yang menjangka tahap aktiviti akan lebih lembab pada bulan Ramadhan dengan waktu bekerja yang lebih singkat yang akan memberikan impak ke atas prestasi perniagaan mereka. Memandang ke hadapan, sentimen bagi bulan Mei 2023 adalah lebih optimistik berbanding dengan bulan April 2023 dengan indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan di tahap 50.2. Faktor utama yang menyumbangkan kepada sentimen optimistik ini adalah jangkaan bahawa aktiviti-aktiviti perniagaan akan meningkat dengan penyambungan semula waktu bekerja seperti biasa, dan juga jangkaan perbelanjaan akan kekal kukuh sepanjang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi bulan April 2023, 49.9 untuk satu bulan ke hadapan, dan 49.9 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan tahap perbelanjaan pelaburan pada bulan April. Pelaburan tersebut merangkumi pelbagai aspek termasuk pembelian bahan-bahan baharu dan peningkatan inventori untuk menampung permintaan yang dijangka akan meningkat; pembelian mesin, peralatan dan kenderaan baharu; menaik taraf sistem pejabat; pengubahsuaian dan perkembangan perniagaan; dan pembukaan cawangan baharu. Memandang ke hadapan, perniagaan secara amnya menjangka akan mengurangkan tahap perbelanjaan pelaburan dalam beberapa bulan akan datang. Ini disebabkan kebanyakan perniagaan telah membuat perbelanjaan yang besar pada suku pertama tahun ini, dan akan membuat penilaian keperluan perniagaan terlebih dahulu bagi bulan-bulan akan datang.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.3 bagi bulan April 2023, dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, perniagaan menjangka akan meningkatkan jumlah pekerja pada bulan April 2023 dan bulan berikutnya. Kebanyakan perniagaan melaporkan bahawa peningkatan tenaga pekerja ini adalah selaras dengan rancangan pengembangan perniagaan. Sementara itu, terdapat juga beberapa perniagaan yang mengambil tenaga pekerja baharu bagi menggantikan pekerja-pekerja yang telah meletakkan jawatan dan juga bagi memastikan jumlah tenaga kerja yang mencukupi untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan. Beberapa perniagaan mengongsikan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengambilan pekerja baharu termasuk proses pengambilan pekerja asing yang memakan masa serta risiko-risiko kos dan masa yang signifikan dalam melatih dan membangunkan kapasiti pekerja tempatan yang kadangkala meninggalkan pekerjaan tanpa sebab. Walau bagaimanapun, terdapat perniagaan yang merancang untuk mengambil tenaga kerja bagi sementara waktu dari program *internship* dan penempatan kerja penuntut kolej dan universiti tempatan.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 49.9 bagi bulan April 2023, dan 50.4 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, kos menjalankan perniagaan pada bulan April 2023 dijangka lebih rendah dari bulan sebelumnya berikutan bulan Ramadhan dan waktu kerja yang lebih pendek. Bagi bulan Mei 2023 pula, para peniaga menjangka kos akan meningkat dengan penyambungan semula waktu operasi biasa; pembayaran gaji yang lebih tinggi dengan tambahan pengambilan pekerja; dan perbelanjaan yang meningkat dengan penambahan tahap aktiviti perniagaan dan pembuatan.

BSI April 2023	
Keadaan Perniagaan	49.8
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	49.9
Pengambilan Pekerja	50.3
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	49.9
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.4

8. Dari segi **sektor ekonomi**, enam daripada sebelas sektor mencatat sentimen optimistik bagi bulan April 2023. Sektor Perdagangan Borong dan Runcit menunjukkan sentimen optimistik yang tertinggi pada tahap 50.3 disebabkan oleh jangkauan peningkatan permintaan produk dan perkhidmatan bagi persediaan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Kebanyakan perniagaan dalam sektor ini telah meningkatkan aktiviti promosi sejak beberapa bulan lepas yang dijangka akan menghasilkan peningkatan jualan bagi bulan April 2023. Indeks bagi sektor Pengangkutan dan Komunikasi adalah pada tahap 50.2, yang

menunjukkan bahawa, secara amnya, perniagaan dalam sektor ini menjangka keadaan perniagaan yang lebih baik, dengan penerusan projek-projek dan kempen-kempen promosi yang diadakan untuk meningkatkan jualan. Sektor-sektor lain yang menjangka keadaan perniagaan yang lebih optimistik adalah sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan; sektor Hotel dan Restoran; sektor Pembuatan; dan sektor Perkhidmatan Lain dengan peningkatan permintaan dari para pengguna. Sebaliknya, tiga daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen pesimistik. Sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan terus mencatatkan sentimen pesimistik dari bulan sebelumnya disebabkan aktiviti penyelenggaraan berjadual dan keadaan pasaran lebih perlahan yang dijangka akan menjejaskan tahap pengeluaran dan hasil pendapatan. Di samping itu, memandangkan sektor Pembinaan adalah sangat bergantung kepada tenaga pekerja (*labour-intensive*), aktiviti perniagaan dijangka perlahan pada bulan puasa. Aktiviti di sektor Kesihatan dan Pendidikan juga dijangka akan terjejas disebabkan oleh perubahan waktu operasi pada bulan Ramadhan. Manakala, sektor Kewangan dan Insurans; dan sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman pula menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan April 2023 berbanding dengan bulan sebelum ini.

Keadaan Perniagaan April 2023 Mengikut Sektor	
Perdagangan Borong & Runcit	50.3
Pengangkutan & Komunikasi	50.2
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1
Hotel & Restoran	50.1
Pembuatan	50.1
Perkhidmatan Lain	50.1
Kewangan & Insurans	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pembinaan	49.8
Kesihatan & Pendidikan	49.7
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.7

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz kecil dan sederhana berpandangan optimistik bagi bulan April 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya. Kebanyakan perniagaan menjangka para pengguna akan meningkatkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan bagi persediaan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sebaliknya pula, perniagaan bersaiz mikro berpandangan pesimistik berbanding dengan bulan Mac 2023 dengan pengurangan waktu bekerja di bulan Ramadhan dan jangkakan tren melancong ke luar negeri pada musim cuti persekolahan yang akan memberikan kesan negatif kepada aktiviti-aktiviti perniagaan pada bulan April 2023. Di samping itu, perniagaan bersaiz besar melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan Mac 2023.

Keadaan Perniagaan April 2023 Mengikut Saiz	
Mikro	49.9
Kecil	50.1
Sederhana	50.2
Besar	50.0

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdc.gov.bn. Orang ramai juga boleh

mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 10 Zulkaedah 1444H / 30 Mei 2023M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan




Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga April 2023



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.